KUCHING: Seorang wanita didenda RM2,000 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah memiliki sekeping kertas tiket loteri awam, Mei lalu.

Hukuman itu dijatuhkan oleh Majistret Zubaidah Sharkawi terhadap Intia Empati, 38, yang tidak diwakili peguam dan didakwa mengikut Seksyen

9(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa memiliki sekeping kertas tiket loteri awam di sebuah kedai makan di Batu

Twin One Avenue, Batu 6, Jalan Matang di sini.

Mengikut keterangan kes, sepasukan polis menyerbu premis tersebut untuk mengesan kegiatan perjudian.

Semasa serbuan, polis menjumpai sekeping keratan kertas, wang tunai RM42 dan sebuah telefon bimbit milik tertuduh yang mempunyai aplikasi serta angka-angka disyaki diguna

untuk menjalankan kegiatan perjudian loteri awam tanpa lesen.

Hasil analisis pakar judi juga mendapati paparan angka-angka di telefon bimbit itu merupakan satu tiket loteri yang menunjukkan satu pembelian loteri awam tanpa lesen lengkap.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin.



TAJUK : PERMUDAH SYARAT OKU SERTA TVET BANTU GOLONGAN ISTIMEWA UBAH KEHIDUPAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 07 SEPT 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Permudah syarat OKU sertai TVET bantu golongan istimewa ubah kehidupan

KUALA LUMPUR: Penyedia program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu memberi perhatian serius terhadap cadangan kerajaan untuk menimbang semula syarat kelayakan bagi memudahkan golongan orang kurang upaya (OKU) menyertai program itu pada masa hadapan.

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr Anuar Ahmad berkata usaha itu akan membuka ruang seluasnya kepada golongan OKU untuk mengubah kehidupan mereka dan sama-sama terlibat dalam proses pembangunan negara atas kapasiti masing-masing.

“Kadang-kadang terdapat penyedia latihan yang gemar meletakkan syarat begitu ketat sehingga menyukarkan atau mematahkan semangat golongan OKU untuk mengikuti latihan TVET.

“Kenyataan perdana menteri untuk membawa isu syarat kemasukan OKU dalam sistem pendidikan TVET ke mesyuarat Jemaah Menteri menunjukkan terdapat perkara tertentu yang perlu diberi perhatian segera dan ditambah baik oleh semua penyedia latihan TVET sama ada kerajaan atau swasta,” katanya kepada Bernama.

Ahad lepas, Perdana Menteri Datuk Seri An-

war Ibrahim ketika menjawab soalan dalam Program ‘Temu Anwar’ di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai, Johor berkata, kerajaan akan menimbang semula syarat kelayakan bagi golongan OKU mengikuti program TVET untuk memudahkan mereka menyertai bidang itu.

Anuar berharap kerajaan turut mengambil langkah menyediakan kemudahan atau prasarana pendidikan yang bersesuaian bagi membolehkan golongan OKU mengikuti program TVET dengan lebih sempurna sekali gus mengelak pelajar atau institusi menolak kemasukan kerana tidak mempunyai prasarana ‘mesra’ OKU.

Sementara itu, Ahli Dewan Negara Isaiah Jacob berkata langkah kerajaan untuk mengkaji syarat kemasukan ke program TVET memberi sinar buat golongan itu dalam aspek peluang menggilap potensi golongan OKU.

Isaiah yang kudung sebelah kaki berkata langkah itu juga akan memberi lebih ruang dan peluang kepada golongan istimewa menceburi bidang kemahiran diminati mereka berbanding sebelum ini yang tawaran mengikuti TVET lebih tertumpu kepada individu sempurna bentuk fizikal.

“Sebelum ini, memang ada peluang untuk OKU tetapi agak terbatas atas sebab syarat-syarat tidak

mesra OKU yang ditetapkan selain jurusan ditawarkan juga terhadap,” katanya dan yakin janji yang dibuat perdana menteri akan mengubah nasib golongan OKU dalam mengikuti pendidikan TVET selepas ini.

Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) Mohamad Sazali Shaari pula berkata langkah mengkaji syarat kemasukan ke program TVET pastinya membawa banyak manfaat kepada orang pekak mengikuti bidang kemahiran kerana secara asasnya pelajar OKU boleh mengikuti semua program sekiranya tiada batasan komunikasi dan aksesibiliti kepada informasi.

Beliau berkata bagi mewujudkan komunikasi yang baik kepada pelajar, pihaknya sedia membantu kerajaan melatih pensyarah atau tenaga pengajar di institusi TVET memahirkan penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar pekak.

“Dalam merealisasikan pembaharuan yang ingin dilaksana kerajaan dalam pendidikan TVET kepada OKU, kami juga bersedia membantu mewujudkan kosa BIM bagi terminologi yang diperlukan dalam kelas untuk memastikan pelajar pekak dapat belajar tanpa sebarang kekangan,” katanya. — Bernama



TAJUK :	PROJEK KOMUNITI KELAB LIONS DI LONG KEVOK BERJALAN LANCAR		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	07 SEPT 2023	M/SURAT :	09
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



SUMBANGAN: Pelajar menunjukkan beg sekolah yang didermakan oleh Kelab Lions.



SOKONGAN: Ahli Kelab Lions dan penduduk yang hadir semasa projek komuniti di SK Long Kevok.



LONG KEVOK: Gambar kenangan ahli-ahli kelab Lions ketika di Long Kevok, Hulu Baram.

Projek komuniti Kelab Lions di Long Kevok berjalan lancar

Oleh Steve Anuar

SERAMAI 29 ahli Kelab Lions mengharungi perjalanan hampir lima jam ke Sekolah Kebangsaan (SK) Long Kevok, Hulu Baram menayakan projek komuniti luar bandar pada 1 September lalu.

Projek diurus bersama tiga Kelab Lions dari Daerah 308A2 dan 308B2. Kelab ialah Kelab Lions Miri Host, Kelab Lions Subang Jaya dan Kelab Lions Serdang.

Rombongan bertolak dari Bandaraya Miri bermula jam 6.30 pagi menggunakan 10 kereta pacuan empat roda membawa bersama sumbangan beras, minyak masak dan makanan lain.

Ratusan beg sekolah dengan alat tulis didaftarkan kepada pelajar dari keluarga berpendapatan rendah.

Rombongan turut ditemani kakitangan Hospital Miri untuk melakukan pemeriksaan kesihatan kepada penduduk.

Pemeriksaan termasuk perigian, tekanan darah tinggi, diabetes, penglihatan serta perkhidmatan menguning rambut.

Presiden Kelab Lions Miri Host, Bryan Chin berkata perkhidmatan kemanusiaan itu adalah sebaris dengan kriteria perkhidmatan utama dan misi Kelab Lions Antarabangsa yang bermoto We Serve (Kita Berkhidmat).

Chin memberitahu, seramai 120 kanak-kanak dan 60 dewasa mengikuti pemeriksaan mata. Seramai 50 penduduk menerima sumbangan cermin mata.

Selain itu, seramai 100 menjalani pemeriksaan gula, 28 menjalani pemeriksaan gigi dan 25 penduduk digunting rambut.

Projek sehari itu turut dihadiri oleh Gabenor Kelab Lions Daerah 308A2, Ronny Hiew.



CERIA: Pelajar yang hadir pada majlis komuniti Kelab Lions di SK Long Kevok.



JAUH: Perjalanan dari Miri ke Long Kevok hampir lima jam.



PERIKSA: Salah seorang penduduk menjalani pemeriksaan penglihatan disaksikan oleh Chin (kanan) di Hulu Baram.




TERIMA KASIH: Sumbangan Kelab Lions kepada pihak sekolah.



AGIH: Chin mengagihkan sumbangan makanan kepada pelajar yang hadir.



BANTUAN: Agihan bantuan makanan kepada penduduk Long Kevok.



TAJUK :	WANITA WARGA EMAS CEDERA DIGIGIT BUAYA KETIKA TANGKAP UDANG GALAH		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	07 SEPT 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Wanita warga emas cedera digigit buaya ketika tangkap udang galah

ALOR GAJAH: Seorang wanita warga emas berdepan detik cemas apabila hampir dibaham buaya ketika menangkap udang galah di perairan Sungai Timun, Lubok Cina pada Jumaat lepas.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Supt Arshad Abu berkata dalam kejadian kira-kira 4 petang itu, mangsa Nurkaisa Ausad, 65, berasal dari Linggi, Negeri Sembilan cedera pada bahagian pergelangan kaki kanan kerana digigit reptilia terbabit selain luka di kepala akibat terhantuk bucu perahu ketika menyelamatkan diri.

“Daripada laporan polis dibuat anak mangsa pada

Isnin lepas, pengadu Muhammad Omar, 24, menerima panggilan telefon daripada kawan ibunya yang memaklumkan mangsa digigit buaya ketika sedang menangkap udang bersama nelayan lain di perairan itu.

“Semasa ibunya mahu turun menyerkap udang galah di dalam sungai yang tidak jauh dari perahu dinaiki, secara tiba-tiba mangsa digigit seekor buaya,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Arshad berkata mangsa kemudiannya meronta-ronta sebelum berjaya melepaskan diri daripada gigitan buaya terbabit.

Arshad berkata bagaimanapun, selepas berjaya menyelamatkan diri daripada buaya berkenaan, kepala wanita itu telah terhantuk pada bucu perahu dan menyebabkan dia mengalami kecederaan.

“Rakan nelayan di situ yang menyedari keadaan itu kemudiannya menyelamatkan mangsa dan membawanya naik ke daratan, seterusnya membawa mangsa ke Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan untuk rawatan lanjut.

“Keadaan wanita itu kini stabil dan kes dirujuk kepada Jabatan Perhilitan untuk tindakan seterusnya,” katanya. — Bernama



TAJUK : 8,000 KAD PENGENALAN HILANG SETIAP TAHUN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 07 SEPT 2023

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

8,000 kad pengenalan hilang setiap tahun

Kuala Nerus: Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) merekodkan kira-kira 8,000 daripada 200,000 kad pengenalan yang dikeluarkan setiap tahun hilang di seluruh negara.

Ketua Pengarahnya, Zamri Misman, berkata kehilangan itu memberi peluang kepada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk disalah guna.

“Kadang-kadang mereka ini pergi ke bercuti hingga berlaku kehilangan kad pengenalan.

“Mereka perlu ingat, mana-mana yang hilang kad pengenalan buat kali ketiga akan didenda RM1,000,” katanya pada Program Menyemai Kasih Rakyat di sini, semalam.

Kes lewat daftar

Zamri berkata, JPN meminta orang ramai yang kehilangan kad pengenalan segera melaporkan kepada polis dan membuat kad baharu di JPN


“Kehilangan itu memberi peluang kepada pihak tidak bertanggungjawab ambil kesempatan untuk disalah guna”

Zamri Misman,
Ketua Pengarah JPN



Beliau berkata, JPN juga mendapati kes lewat mendaftar kad pengenalan sebanyak 4,000 kes membabitkan pelbagai sebab.

“Antara yang mengakibatkan mendaftar lewat ialah orang kurang upaya dan ada yang tidak tahu mereka mesti buat kad pengenalan,” katanya.



TAJUK : PENGAWAL KESELAMATAN DIDAKWA SEBABKAN KEMATIAN BAYI 15 BULAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 07 SEPT 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pengawal keselamatan didakwa sebabkan kematian bayi 15 bulan

Butterworth: Seorang pengawal keselamatan didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan menyebabkan kematian bayi lelaki berusia 15 bulan.

S Nagendran, 34, dihadapkan di hadapan Majistret Nur Fatim Mohd Farid untuk pendakwaan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati, jika sabit kesalahan.


Lelaki itu dituduh menyebabkan kematian bayi berkenaan di alamat B-4-44 Pangsapuri Ampang Jajar, Seberang Perai Utara, antara jam 6.25 petang pada 23 Ogos hingga 4.50 petang pada 26 Ogos lalu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Asma' Amira Shahidani, manakala tertuduh tidak diwakili peguam. Tiada sebarang pengakuan

direkodkan oleh mahkamah pada prosiding semalam.

Mahkamah turut tidak membenarkan Nagendran diikat jamin sebelum menetapkan 6 Mac 2024 untuk serahan laporan kimia dan laporan bedah siasat.

Media sebelum ini melaporkan, bayi berkenaan dihantar ke Hospital Seberang Jaya (HSJ), dekat sini pada 28 Ogos lalu oleh seorang lelaki.



TAJUK : PENGUSAHA KECANTIKAN DISARAN DAPATKAN TAULIAH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 07 SEPT 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Pengusaha kecantikan disaran dapatkan tauliah



Pengusaha kecantikan digalag dapatkan sijil bagi memudahkan usahawan perluas perniagaan.

Perolehan sijil PERKESO bantu perluas prospek perniagaan, tingkatkan pendapatan

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Memiliki kemahiran dalam bidang kecantikan boleh membantu menjana pendapatan dan memperluaskan prospek perniagaan.

Tidak kira dari sudut mana sekalipun, bidang kecantikan ini diakui sentiasa mendapat permintaan tinggi terutama jika dikenali dan menawarkan perkhidmatan terbaik.

Bagaimanapun, untuk memberi jaminan pelanggan perkhidmatan diberikan mematuhi undang-undang ditetapkan, ada

sesetengah pengusaha kecantikan ini gagal untuk memberikan bukti amalan pekerjaan baik mengikut lulus undang-undang.

Menyadari perkara ini sebagai satu kekurangan yang sering diambil mudah oleh pengusaha kecantikan ini, pegawai latihan vokasional (VTO) dari Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp), Mastura Idris, membuka peluang pengusaha kecantikan mendapatkan sijil yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Mastura berkata, aspek itu sering diabaikan pengusaha terutama jika menawarkan perkhidmatan untuk memberi latihan kerana ia salah di sisi undang-undang khususnya jika tidak mempunyai sijil diiktiraf.

Katanya, sekiranya berlaku kesilapan dan kelalaian ia akan memberi kesan kepada pengusaha dan pelanggan kerana amalan pekerjaan dilakukan tidak patuh

kepada standard ditetapkan.

"Bayangkan jika pengusaha itu mempunyai kemahiran, tetapi tidak mempunyai sebarang pertauliah yang mungkin ada menyenaraikan perkara patut dan tidak patut dilakukan, jadi jika berlaku sebarang kemalangan, apakah nasib pelanggan itu?"

"Jadi, saya menggesa pengusaha bidang kecantikan yang sudah mempunyai pengalaman lebih tiga tahun untuk mempunyai sijil integriti dalam perniagaan ini kerana ia akan memberi impak positif kepada perniagaan mereka.

"Mereka boleh memohon menerusi kaedah Pertauliah Pencapaian Terdahulu (PPT), di mana PERKESO dengan kerjasama akademi saya yang diiktiraf sebagai Induksi Pentauliah Persijilan Kemahiran Malaysia (PP-PPD-PPB) akan mengeluarkan sijil untuk mereka dengan syarat tertentu," katanya berpengalaman lebih 18 tahun dalam bidang itu.

Sijil diberi secara percuma

Selain sebagai batu loncatan kepada pengusaha kecantikan, ia juga terbuka kepada pekerja berkemahiran dengan pengalaman tiga tahun untuk merebut kerana berdasarkan kerjasama ini kira-kira 6,000 orang diperuntukkan untuk mendapatkan sijil.

"Kebanyakan yang berkemahiran ini, tidak ada sijil bagi melayakkan mereka untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan secara sah," katanya.

Sebenarnya, dengan tawaran diberikan PERKESO ini, anda tidak perlu mengeluarkan sesen pun.

"Ini kerana setiap sijil ini bernilai kira-kira RM2,000 hingga ke RM3,000 dan ia diberikan secara percuma, hanya perlu mohon dan jalani ujian yang akan dilaksanakan.

"Aspek ini sering saya tekankan kerana pengiktirafan daripada badan kerajaan ini penting kerana mereka akan dibantu dalam pelbagai sudut seperti geran dan bantuan selayaknya sekiranya berminat mengembangkan perniagaan," katanya.

Bukan setakat menawarkan peluang itu kepada mereka yang sudah berpengalaman lebih tiga tahun dalam bidang ini, tetapi Akademi Beauty Expert turut memberi peluang kepada individu yang tidak ada kemahiran tetapi minati bidang ini.

"Mereka tiada kemahiran akan dibimbing di sini selama empat bulan secara eksklusif iaitu teori, praktikal dan amali daripada kosong sampai expert selain membina keyakinan dan semangat kepada peserta.


"Kelas ini boleh dibimbing ikut pilihan, iaitu menerusi perseorangan, berkumpulan atau melalui syarikat pada harga berpatutan dan kemudian akan menerima sijil dikeluarkan akademi saya.

"Menariknya, selepas mereka mempunyai kepakaran itu, mereka digalakkan menyambung pada peringkat Sijil Kemahiran Malaysia sehingga tahap tertentu," katanya.

Di dalam akademi itu, semua peringkat umur boleh datang belajar; tetapi untuk mendapatkan SKM di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), mereka perlu berusia 18 tahun ke atas.



Mastura Idris



TAJUK : 'CAGAR' ADIK IPAR UNTUK LUNAS HUTANG

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 07 SEPT 2023

M/SURAT : 23

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

WANITA DIPERKOSA 5 LELAKI 'Cagar' adik ipar untuk lunas hutang

Kuala Lumpur: Mahu melunaskan hutang dengan rakannya menyebabkan seorang lelaki tergamak 'membenarkan' adik iparnya dirogol bergilir-gilir di sebuah rumah di Wangsa Maju di sini, Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintendan Ashari Abu Samah berkata, siasatan polis mendapati abang ipar mangsa berusia 29 tahun berhutang dengan seorang suspek masih bebas.

"Sebelum kejadian lelaki itu menghubungi mangsa, 26, supaya tidak mengunci pintu rumah dan akhirnya dia menjadi mangsa rogol," katanya.

Terdahulu, abang ipar mangsa ditahan

di depan restoran di Taman Sri Rampai, Wangsa Maju di sini, Sabtu lalu.


Suspek direman sehingga esok bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 375(B) Kanun Keseksaan (rogol berkumpulan).

Polis memohon kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat untuk menghubungi Pegawai Penyiasat Inspektor Siti Fadzilah Ahmad Fisal di talian 017-6240252 atau Hotline Polis Kuala Lumpur (03-21159999) atau balai polis berhampiran.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan seorang wanita sedang tidur 'diserang' lima lelaki sebelum

diperkosa bergilir-gilir 30 Ogos lalu.

Suspek arahkan mangsa supaya tidak mengunci pintu rumah



TAJUK : JAGA DIDAKWA BUNUH BAYI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 07 SEPT 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Butterworth: Pengawal keselamatan dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan membunuh seorang bayi lelaki berusia setahun, bulan lalu.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan ketika kertas pertuduhan dibacakan terhadap tertuduh, S Nagendran, 34 di hadapan Majistret Nur Fatin Mohd Farid.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menyebabkan kematian ke atas seorang kanak-kanak lelaki berusia 15 bulan di Pangsapuri Ampang Jajar, Seberang Perai Utara antara jam 6.25 petang pada 23 Ogos hingga jam 4.50 petang pada 26 Ogos lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan

Jaga didakwa bunuh bayi



NAGENDRAN diiringi anggota polis di Mahkamah Butterworth, semalam. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

Timbalan Pendakwa Raya Asma' Amira Shahidani manakala tertuduh tidak diwakili peguam.


Mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan 6 Mac tahun depan bagi se-

rahan laporan kimia serta bedah siasat.

Media sebelum ini melaporkan, polis menahan sembilan suspek termasuk ibu muda berusia 16 tahun bagi membantu siasatan kematian bayi lelaki yang diper-

cayai didera.

Mangsa ketika itu dihantar ke Hospital Seberang Jaya (HSJ) pada 28 Ogos lalu dalam keadaan tidak sedarkan diri oleh seorang lelaki suspek beredar dan menghilangkan diri.



TAJUK : KAKI DIBAHAM BUAYA KETIKA TANGKAP UDANG

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 07 SEPT 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



MANGSA dibantu orang ramai selepas kakinya dibaham buaya ketika menangkap udang.

Kaki dibaham buaya ketika tangkap udang

Alor Gajah: Wanita warga emas cedera di kaki kanan akibat dibaham buaya ketika menangkap udang gajah menggunakan serkap di Sungai Timun, Lubok Cina, di sini, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Arshad Abu berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu dibuat anak mangsa yang dimaklumkan rakan ibunya, kelmarin.

Menurutnya, siasatan mendapati kejadian berlaku pada jam 4 petang, 1 September lalu, semasa mangsa, Nurkaisa Ausad, 65, menangkap udang gajah di perairan Sungai Timun bersama beberapa nelayan lain.


"Berdasarkan laporan, semasa mangsa diserang

buaya ketika turun ke dalam sungai tidak jauh dari perahu yang dinaiki untuk menyerkap udang gajah.

"Mangsa meronta-ronta dan terlepas daripada gigitan buaya. Semasa menyelamatkan diri kepalanya terhantuk kepada bucu perahu dan cedera," katanya dihubungi, semalam.

Arshad berkata, rakan mangsa yang berada di tempat kejadian segera menyelamatkan mangsa dan membawanya ke tebing sungai sebelum dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut.

"Mangsa mengalami kecederaan di pergelangan kaki kanan akibat gigitan buaya serta luka di kepala semasa menyelamatkan diri," katanya.



TAJUK : TERPEROSOK DALAM KEDAI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 07 SEPT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Amirul
Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Kuala Selangor

Berpantang maut sebelum ajal. Itu yang berlaku apabila seorang kanak-kanak perempuan berusia lima tahun hanya cedera ringan walaupun selepas dirempuh kereta yang mengundur dengan laju.

Dalam kejadian jam 6.40 petang kelmarin, mangsa yang berada di kaki lima premis di Jalan Eco Grandeur 1/8, Bandar Puncak Alam di sini, terperosok ke dalam kedai sejurus dilanggar kereta berkenaan.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Deputy Superintendan Mohd Ambia Nordin berkata, kejadian berlaku apabila seorang lelaki yang memandu kereta tertekan pedal minyak secara mendadak menyebabkan kereta dipandu melanggar kanak-kanak perempuan itu.

Menurutnya, dalam kejadian itu, lelaki berusia 30-an yang memandu kereta Hyundai Elantra turut

“Tiba di lokasi, pemandu kereta itu dipercayai tertekan pedal minyak secara mendadak sehingga menyebabkan kereta mengundur dalam keadaan laju ketika mahu memasuki petak parkir”



GAMBAR rakaman CCTV menunjukkan mangsa dilanggar kereta yang sedang mengundur.

Terperosok dalam kedai

Budak cedera ringan dirempuh kereta mengundur

melanggar pintu hadapan kedai menjual makanan haiwan.

Menurutnya, semasa kejadian pemandu kereta itu dalam perjalanan dari rumahnya ke Jalan Eco Grandeur untuk mengambil anak pulang dari tadika.

“Tiba di lokasi, pemandu kereta itu dipercayai tertekan pedal minyak secara mendadak sehingga menyebabkan kereta mengundur dalam keadaan laju ketika mahu memasuki petak parkir.

“Kereta itu kemudian melanggar mangsa yang berada di kaki lima kawasan berkenaan dan pintu hadapan premis kedai itu,” katanya semalam.


Mohd Ambia berkata, ekor kemalangan itu kanak-kanak terbahit cedera ringan dan dibawa ke Hospital Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam untuk mendapatkan rawatan.

“Mangsa mengalami kecederaan calar di bahagian muka. Mangsa disahkan

berada dalam keadaan stabil dan dibenarkan keluar dari hospital pagi semalam,” katanya.

Beliau berkata, kertas siasatan berhubung kejadian itu dilakukan mengikut Seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Terdahulu, tular di laman sosial video kamera litat tertutup (CCTV) memaparkan sebuah kereta melanggar seorang kanak-kanak dan pintu hadapan sebuah premis.



TAJUK : GUARD CHARGED WITH MURDER OF TODDLER

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 07 SEPT 2023

M/SURAT : 10

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



S. Nagendran being brought in by cops to the Butterworth magistrate's court yesterday, where he was charged with killing a 15-month-old boy. PIC BY DANIAL SAAD

CASE MENTION ON MARCH 6

Guard charged with murder of toddler

BUTTERWORTH: A security guard was charged at the magistrate's court here yesterday with the murder of a 15-month-old boy last month.

S. Nagendran, 34, nodded to indicate that he understood the charge read to him before magistrate Nur Fatin Mohamad Farid.

No plea was recorded from him as the matter falls under the jurisdiction of the Sessions Court.

He is alleged to have killed Muhamad Hayder Mukhriz Abdul Fatah at a unit in Pangsapuri Ampang Jajar between 6.25pm on Aug 23 and 4.50pm on Aug 26.

The charge, under Section 302

of the Penal Code for murder, provides for the death sentence upon conviction.

The matter is a non-bailable offence. Nagendran was unrepresented.

Deputy public prosecutor Asma' Amira Shahidani said: "We request the court to fix a date pending the chemistry and post-mortem report."

Nur Fatin fixed March 6 for mention of the case.

It was reported on Aug 28 that police detained nine people, including five women, over the death of a male toddler — believed to have been abused — on Aug 26.

This was after police received information from the Seberang Jaya Hospital about a child declared dead after being brought in with signs of abuse.

Investigations revealed the child was brought to the hospital by a man in his 30s, who is a suspect in the case. The man told paramedics that the boy fainted and needed treatment, before leaving the hospital.

Among those detained were the boy's 16-year-old mother, a school dropout, and her 34-year-old boyfriend, the main suspect.

Others detained were the mother's friend and family members.